

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



**CGCT TAC401 (*PAST TENSE & PRESENT TENSE IN ARABIC LANGUAGE: AN INTRODUCTION*)**

*Ditulis oleh: Syahirah Almuddin*

*Norshida Hashim*

*Azhani Almuddin*

*Nur Hakimah Md. Sallehuddin*

Projek *Collaborative Teaching* bagi kod Bahasa Arab Tahap 1 TAC401 (*Introductory Arabic Level 1*) telah diadakan pada 15 Jun 2023. Webinar ini merupakan projek dibawah *Collaborative Group: Collaborative Teaching (CGCT) 2023* yang dikelolakan oleh *Centre for Innovative Delivery & Learning Development (CIDL)* UiTM. Projek ini telah dilaksanakan menggunakan Model 2 yang merupakan model kolaborasi penyampaian. Selain itu juga, projek ini telah melibatkan kolaborasi antara dua universiti yang berbeza: UiTM dan Universiti Malaya bersama tenaga pengajar jemputan dari industri luar iaitu sekolah. Penceramah jemputan merupakan seorang guru panitia Bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan King George V, Seremban. Projek ini dijalankan secara dalam talian melalui webinar yang berlangsung secara *live* selama 1 jam menggunakan platform *YouTube* dan *Zoom Meeting*.



Gambar 1: Poster Webinar

Tajuk webinar yang telah dipilih adalah *Past tense & Present Tense in Arabic Language: An Introduction*. Tajuk ini telah dipilih dengan mengambil kira kandungan topik yang dipelajari oleh pelajar di kedua-dua buah universiti yang terlibat. Selain itu, pemilihan tajuk juga ditentukan berdasarkan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam mengingat dan membezakan kedua-dua kata kerja bahasa Arab tersebut. Rata-rata pelajar yang mengambil bahasa Arab mengalami kesukaran untuk menguasai topik Kata Kerja Bahasa Arab kerana terdapat sistem yang berbeza dengan bahasa Melayu. Para pensyarah mengambil inisiatif ini bagi memberikan pengalaman belajar yang berbeza dan lebih menarik kepada pelajar. Oleh yang demikian, kemahiran penceramah dari sekolah adalah dilihat bersesuaian bagi mencapai objektif yang disasarkan. Ini kerana, teknik

pengajaran yang diketengahkan oleh guru sekolah yang berasaskan teori pengajaran dengan mengambil kira gaya pembelajaran yang berbeza-beza dalam kalangan pelajar dilihat sangat membantu dalam menambah pemahaman pelajar bagi topik yang dipelajari. Selain itu, sekolah tersebut turut menyediakan kemudahan studio bagi merakamkan sesi pengajaran secara dalam talian. Oleh itu, kemudahan tersebut telah dimanfaatkan dalam pelaksanaan webinar ini.

Webinar ini melibatkan pelajar UiTM yang mengambil kod ini dan pelajar universiti Malaya yang mengambil Bahasa Arab tahap 1, serta pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan King George V, Seremban. Webinar ini telah dijalankan dalam dua sesi utama. Sesi pertama merupakan sesi perkongsian mengenai topik Kata Kerja Bahasa Arab dan sesi pengukuhan berbentuk kuiz bagi melihat tahap pemahaman pelajar berkenaan topik tersebut. Manakala sesi kedua merupakan sesi soal jawab peserta mengenai topik yang dibincangkan.



Gambar 2: Sesi perkongsian topik oleh penceramah

Walaupun pelaksanaan webinar ini dijalankan secara dalam talian, penglibatan pelajar dilihat amat memberangsangkan dengan adanya maklum balas yang aktif daripada penceramah dan pelajar. Pihak pengajur juga telah mendapat respon dan komen positif daripada semua peserta yang menghadiri webinar ini.

Sila nyatakan kormen dan cadangan penambahbaikan (jika ada)

11 responses

Sangat seronok! لـ نعمٌ

Semangat semangat oke oke!

dapat menambahkan ilmu pengetahuan bahasa arab dengan mudah

Buat lebih banyak soalan quizizz saya suka quizizz yayyy

Buat lebih banyak soalan quizizz...menarik!!!

Buat lebih banyak soalan quizizz. Syukran ya ustazah ✨

Memuaskan

Banyakkan kuiz Bahasa Arab


Lakukan slot quizziz dengan lebih banyak. lanya menyeronokkan untuk mengaplikasikan semula perkara yang kita pelajari dan membantu para pelajar untuk lebih memahami konten yang diajar.

Gambar 3: Maklum balas peserta

Projek ini telah menggabungkan kolaborasi antara kampus cawangan, universiti dan industri. Kolaborasi ini bertujuan untuk mencapai hala tuju yang sama bagi memperkasakan Bahasa Arab khususnya.

Pihak penganjur berkeyakinan penuh bahawa kolaborasi daripada semua pihak ini akan dapat mempertingkat tahap penguasaan Bahasa Arab dan kualiti pengajaran serta pembelajaran ke arah merealisasikan hala tuju UiTM untuk menjadi sebuah universiti bertaraf antarabangsa.

percambahan idea baharu kepada para pensyarah. Projek kerjasama sebegini seharusnya diperbanyakkan lagi bagi memacu bidang pengajaran dan pembelajaran yang pesat berubah seiring dengan peredaran masa dan kemajuan teknologi tanpa sempadan.



Gambar 4: Gambar penceramah, pihak penganjur dan peserta

Webinar ini telah dilaksanakan dengan jayanya hasil kerjasama daripada semua pihak. Oleh yang demikian, penglibatan industri dan kerjasama dengan universiti tempatan lain luar dari UiTM memberi impak yang positif dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, di samping memberi